

**TALKING POINT  
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI  
1 OGOS 2018  
DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP**

**Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti**

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi kesempatan oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.
2. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniMAP yang memberikan komitmen dengan menghadirkan diri ke program kita ini.

Hadirin hadirat sekalian,

## **INFO KESIHATAN**

### **PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)**

3. Pada minggu ini, saya akan berkongsi Info Kesihatan berkenaan ***INFLUENZA LIKE ILLNESS (ILI)*** yang disediakan Pusat Kesihatan UniMAP.

## **INFLUENZA LIKE ILLNESS (ILI)**

4. Seperti yang telah dilaporkan di muka akhbar, seramai 10 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di isolasi selama 7 hari mulai 26 Julai 2018 kerana mengalami gejala penyakit seperti influenza (ILI). Kesemua pelajar itu adalah dari Kolej Kediaman Tun Abdul Razak di Kampus Tetap UniMAP di Pauh Putra, Arau dekat sini. Semenjak kes pertama dikesan pada 26 Julai 2018 sehingga 31 Julai 2018 jam 3.00 petang seramai 31 orang pelajar disyaki dijangkiti ILI telah di isolasi selama tujuh hari. Keadaan pelajar sekarang bertambah baik dan sihat.
5. ILI merupakan jangkitan dengan gejala utama seperti demam selsema atau flu, sakit tekak, batuk dan gejala lain seperti sakit kepala, sakit otot, sakit sendi dan kelesuan.
6. Oleh kerana demam selsema atau flu sangat mudah berjangkit, penularan menjadi lebih mudah berlaku di tempat-tempat yang padat seperti sekolah, asrama, tempat kerja tertutup, institusi latihan, serta kem-kem tentera dan polis.
7. Oleh itu, mereka yang dijangkiti di asrama sekolah diasingkan daripada mereka yang sihat supaya ia tidak menular secara meluas. Mereka yang tidak sihat juga tidak digalakkan datang bekerja atau bersekolah. Kebanyakan kluster ILI yang dilaporkan sebelum ini adalah disebabkan virus influenza bermusim antara lainya meliputi Influenza A (H1N1),

Influenza A (H3N2) ataupun Influenza B. Wabak yang disebabkan virus influenza bermusim hanya menyebabkan demam selsema (flu) yang ringan pada orang biasa tetapi boleh menyebabkan jangkitan yang teruk seperti pneumonia kepada kumpulan risiko. Kumpulan berisiko adalah wanita hamil, pesakit yang sedang mendapatkan rawatan dialisis dan kanser.

8. UniMAP sedang melaksanakan tindakan pencegahan dan pengawalan bagi memastikan ianya tidak merebak termasuk mengasingkan kes-kes yang bergejala daripada pelajar-pelajar lain yang sihat. Semua kes mengalami gejala ringan dan telah diberikan rawatan. Ujian makmal turut dilakukan bagi menentukan penyebab kluster berkenaan oleh JKN.
9. Namun begitu, pihak UniMAP ingin menasihatkan orang ramai agar tidak panik mengambilkira tiada trend luar biasa berkaitan ILI yang dikesan di UniMAP. Malahan ianya mudah dicegah dengan amalan-amalan kebersihan harian seperti mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, amalan kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau sanitiser, mengamalkan adab batuk yang baik dan mengamalkan cara hidup sihat. Sebaliknya warga UniMAP dinasihatkan untuk mendapatkan vaksin sebagai langkah pencegahan di PKU dengan harga di bawah RM50.00.
10. *Baca di postmaster atau layari laman web rasmi PKU di [pusatkesihatan.unimap.edu.my/V2](http://pusatkesihatan.unimap.edu.my/V2) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai ILI.*
11. Sekali lagi, saya tekankan agar semua warga UniMAP mesti mengamalkan penjagaan kebersihan diri dan kawasan sekitar agar tiada mangsa baharu yang dijangkiti ILI ini. Sekiranya anda berasa tidak sihat seperti demam dan batuk, janganlah teragak-agak untuk pergi ke klinik atau hospital berdekatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

## **PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

Warga UniMAP yang saya kasihi

### **PERLIS 4.0 & MALAM KILAUAN CAHAYA**

12. Petang Rabu lepas iaitu pada 25 Julai telah berlangsung Majlis Penutup Pertandingan Inovasi 'Perlis Engineering Research Learning & Innovation Symposium (PERLIS 4.0) bertempat Dewan Kecemerlangan UniMAP. Sebanyak 45 produk dari 13 sekolah rendah dan menengah telah menyertai PERLIS 4.0. Penyertaan mereka sebenarnya membuktikan bahawa anak muda walaupun masih kecil, pemikiran mereka sangat kreatif dan inovatif. Pemenang PERLIS 4.0 akan dibawa bagi menyertai pameran penyelidikan antarabangsa di Taiwan pada Disember nanti. Merekalah pewaris yang akan memajukan negara bagi mencapai matlamat negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. InsyaAllah.
13. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) kerana berjaya membantu pihak Istana dalam merealisasikan Malam Kilauan Cahaya di Istana Arau pada hujung minggu ini lepas iaitu 27 dan 28 Julai 2018 (Jumaat dan Sabtu). Khabarnya seramai 30 ribu pengunjung hadir memeriahkan program ini dan semuanya berjalan dengan lancar. Sekali lagi tahniah diucapkan.

### **KARNIVAL VARSITI IMTGT**

14. Baru-baru ini, telah berlangsung Karnival Varsiti Indonesia, Malaysia dan Thailand Growth Triangle (IMTGT) bermula 20 hingga 26 Julai 2018 di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis.

15. Saya dimaklumkan bahawa UniMAP menghantar 87 peserta dan mereka ini terdiri daripada 64 pelajar dan 23 pegawai yang dibahagi kepada tiga kategori iaitu sukan, kebudayaan dan seminar.
16. Mereka ini menyertai Karnival tersebut bagi mewakili Malaysia bersama-sama pelajar dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM).
17. Khabarnya terdapat 11 universiti yang terlibat dalam IMTGT yang masing-masing mewakili Negara mereka iaitu Indonesia diwakili Universitas Sumatera Utara (USU), Institut Teknologi Medan (ITM), Universitas Syiah Kuala (USK) dan Universitas Negeri Medan (UNIMED). Manakala Thailand diwakili Prince of Songkhla University (PSU), Thaksin University (TSU), Rajamangala University of Technology Srivijaya (RMUTSV) dan Walailak University (WU).
18. Tahniah kepada pasukan bola keranjang UniMAP kerana Berjaya menduduki tempat ke - 3 dalam IMTGT. Berikan tepukan yang gemuruh kepada pasukan bola keranjang dan pegawai bertugas mererka.

### **MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI SUKARELA PALAPES UniMAP**

19. Pada 23 Julai saya berkesempatan untuk menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Sukarela PALAPES UniMAP yang berlangsung di pejabat saya di bangunan KWSP.
20. Dikesempatan ini, tahniah diucapkan kepada empat (4) Pegawai Sukarela PALAPES UniMAP yang telah dinaikkan pangkat dari Leftenan ke Kapten. Berikan tepukan kepada Leftenan Lokman Hakim Ibrahim, Leftenan Muhammad Khairy Md Naim, Leftenan Pubalan Nadaraja dan Leftenan Leong Kean Wei. Apa yang membanggakan UniMAP apabila kesemua pegawai yang dinaikkan pangkat hari ini merupakan alumni PALAPES UniMAP.

## **MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KOMISIONER JENERAL PENJARA DAN PINGAT JASA PENJARA ZON UTARA 2018**

21. Tahniah dan sila berikan tepukan kepada Prof. Madya Dr. Huzuli Hussin yang dianugerahkan Pingat Komisioner Jeneral Penjara Kelas Kedua pada Majlis Penganugerahan Pingat Komisioner Jeneral Penjara dan Pingat Jasa Penjara Zon Utara 2018 yang berlangsung pada 21 Julai 2018 bertempat di Pusat Latihan AADK, Sungai Petani Kedah.
22. Semoga dengan penganugerahan sebegini akan menyuntik semangat kepada semua warga UniMAP bagi berbakti kepada UniMAP dan Negara Malaysia yang kita cintai ini.

## **20 PELAJAR TAHUN AKHIR UniMAP TELAH DITAWARKAN PEKERJAAN OLEH SYARIKAT TESSOLVE SEMICONDUCTOR SDN. BHD.**

23. Oh ya sebelum terlupa, ingin saya kongsi kepada semua bahawa seramai 20 pelajar tahun akhir kita telah ditawarkan pekerjaan oleh Syarikat Tessolve Semiconductor Sdn. Bhd. di Pulau Pinang. Para pelajar ini akan bergraduat pada Oktober nanti tetapi mereka ini akan memulakan pekerjaan di syarikat berkenaan pada Ogos. InsyaAllah.
24. Mereka adalah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Mikroelektronik (lima orang), PPK Komputer dan Perhubungan (11 orang) dan empat daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Elektronik.
25. Ini menunjukkan bahawa pernyataan graduan UniMAP laris di pasaran pekerjaan bukanlah omongan kosong kerana kita berjaya membuktikan bahawa pelajar kita sememangnya telah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan latihan praktikal yang mencukupi. Ini menjadikan mereka graduan readymade yang bersedia pada bila-bila untuk terjun ke pasaran pekerjaan.

26. Tahniah kepada para pelajar ini dan tahniah juga kepada Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) UniMAP kerana berjaya membantu para pelajar ini menempatkan diri di syarikat multinasional.

### **PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG**

### **PENYERAHAN WAKAF TUNAI RM 1 JUTA**

27. Pada 2 Ogos nanti akan diadakan Majlis Penyerahan Wakaf Tunai RM 1 juta oleh pihak Bank Rakyat bertempat di Auditorium Perpustakaan UniMAP Pauh Putra. Tuanku Canselor dan Tuanku Pro Canselor berkenan berangkat ke majlis itu nanti. Semoga majlis kita itu nanti akan berjalan dengan lancar dan diberkati oleh Allah Aza Wajalla. InsyaAllah.

### **PENUTUP**

28. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.